

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN BAHASA MALAYSIA  
SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA MALAYSIA  
(Junior)**

## JUNIOR SATU

KEMAHIRAN	MENDENGAR	BERTUTUR	MEMBACA	MENULIS
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Mendengar dan dapat menentukan gambar atau objek yang disebut oleh guru.</li> <li>2.Mendengar dan dapat mengikut perkembangan cerita bergambar.</li> <li>3.Mendengar dan dapat memahami arahan yang diberikan dalam sesuatu permainan bahasa.</li> <li>4.Mendengar dan dapat melakukan gerak kerja seperti yang diarahkan.</li> <li>5.Mendengar dan dapat mencatatkan perkataan yang disebut oleh guru.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Menjalankan latihan tubi penyebutan untuk membetulkan sebutan yang salah.</li> <li>2.Menjalankan latihan karangan bertutur atau ucapan satu minit.</li> <li>3.Menyampaikan perasaan sendiri secara ringkas dengan intonasi yang betul.</li> <li>4.Membentuk soalan yang mudah untuk berkenalan dengan rakan baru.</li> <li>5.Menjawab soalan mudah yang berkaitan dengan diri sendiri</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Membaca petikan dengan menegaskan penyebutan dan irama.</li> <li>2.Memahami mesej mudah dalam kad-kad jemputan, papan iklan, risalah-risalah dan sebagainya.</li> <li>3.Mengguna kamus untuk mencari erti atau maksud perkataan dalam petikan.</li> <li>4.Membaca dan memahami arahan ringkas dalam bahan bacaan.</li> <li>5.Membaca dan memahami bahan bacaan bergambar.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Menyalin/mencatat dengan tepat dan kemas tentang sesuatu yang telah dibaca dan diperdengarkan.</li> <li>2.Latihan imlak di mana murid dikehendaki menyalin dengan betul ayat atau perenggan yang dipilih.</li> <li>3.Menyusun semula ayat supaya menjadi ayat yang gramatis.</li> <li>4.Mengatur semula sebilangan ayat supaya menjadi perenggan yang tersusun dan logik.</li> <li>5.Menulis karangan bergambar samada berdasarkan sebuah gambar atau satu gambar bersiri dengan jumlah perkataan 100-120 patah.</li> <li>6.Menulis surat tidak rasmi kepada kawan atau ibu bapa.</li> </ol>
TEKNIK PEMBELAJARAN	Penggunaan kamus harus dititikberatkan pada peringkat ini; Murid-murid juga perlu didedah dengan cara membuat nota; Murid-murid dapat menilai isi-isi penting yang perlu dicatat dalam nota; Aktiviti persembahan bertajuk boleh dijalankan untuk menggalakkan murid menyampaikan kreativiti mereka dalam pelbagai bentuk.			
BIDANG INTERPERSONAL	Murid-murid harus diajar untuk menggunakan bahasa yang sopan apabila berhadapan dengan ahli keluarga, guru dan rakan; Murid-murid perlu didedahkan dengan tatasusila penggunaan bahasa Malaysia; sikap menghormati ibu bapa, guru, orang tua dan rakan perlu dipupuk.			
BIDANG INTRAPERSONAL	Menitikberatkan pengajaran yang berbentuk permainan bahasa dan main peranan; rakaman, tv, lagu serta gambar-gambar perlu lebih kerap diguna; Cerita rakyat terutama berkaitan kisah pahlawan dan tokoh-tokoh Tanah Melayu yang mudah dan ringkas harus diperkenalkan.			
PENGETAHUAN BAHASA	Pengenalan ringkas ke atas morfologi dan sintaksis. Murid didedahkan dengan pengetahuan penggolongan dan pembentukan kata terutamanya kata nama, kata ganti nama, pengimbuhan, kata adjektif dan kata tugas. Di samping itu, murid juga harus menguasai struktur binaan ayat tunggal yang terdiri daripada subjek dan predikat, jenis frasa dan ragam ayat.			

## JUNIOR DUA

KEMAHIRAN	MENDENGAR	BERTUTUR	MEMBACA	MENULIS
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Mendengar dan memahami sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain dan dapat memberi respon ringkas secara lisan.</li> <li>2.Mendengar dan memahami maklumat ringkas dalam siaran media massa.</li> <li>3.Mendengar lagu melayu, drama atau cerita yang tema dan bahasanya sesuai dengan perkembangan emosi dan intelek murid.</li> <li>4.Mendengar dan memahami arahan berturutan serta dapat melakukan perbuatan yang diarah.</li> <li>5.Mendengar dan membezakan jenis ayat yang didengar serta dapat membuat catatan ringkas.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Penyebutan betul dan intonasinya dapat menyampaikan perasaan penyebut.</li> <li>2.Menerangkan perkara yang terkandung dalam gambar atau maklumat ringkas tertentu.</li> <li>3.Bertutur dalam kehidupan seharian (membeli-belah, mendapatkan perkhidmatan, mendapatkan maklumat dan sebagainya) dengan penggunaan bahasa yang betul.</li> <li>4.Menyoyal untuk mendapatkan perkhidmatan dan maklumat tertentu.</li> <li>5.Menjawab secara ringkas pengalaman sendiri atau peristiwa tertentu.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membaca lancar dengan sebutan yang betul.</li> <li>2. Memetik isi-isi tersurat yang terkandung dalam bahan bacaan dengan tepat.</li> <li>3. Memperkaya perbendaharaan kata dengan bantuan kamus.</li> <li>4. Membaca secara senyap untuk memahami fakta, pengajaran, isi-isi penting serta idea yang terkandung.</li> <li>5. Membaca dan dapat memahami bahan bacaan puisi.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Menulis ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan betul serta tulisan yang jelas dan kemas.</li> <li>2.Menulis surat biasa kepada ahli keluarga dan sahabat.</li> <li>3.Menulis surat rasmi kepada pihak berkenaan untuk tujuan tertentu.</li> <li>4.Menulis karangan dengan rangka ringkas diberi yang mana jumlah perkataannya antara 120-150 patah perkataan.</li> <li>5.Menulis notis, ucapan, kad jemputan dan sebagainya.</li> <li>6.Merumus bahan grafik ke dalam bentuk tulisan yang mudah.</li> </ol>
TEKNIK PEMBELAJARAN	Latihan membaca surat khabar dan bahan-bahan internet dengan bantuan kamus; murid juga perlu didorong untuk mendengar berita atau rancangan dalam siaran media massa; Murid dapat menggunakan peta minda, gambar rajah pokok, carta pai, carta aliran dan bahan grafik lain untuk membantu pemahaman; Murid harus dapat menilai bahan-bahan yang dikumpul untuk pelaksanaan tugas tertentu; Murid harus mampu menyusun idea-idea melalui cara-cara yang digemari dan diminati diri; Membina keupayaan murid membentuk idea-idea yang terkumpul dalam bentuk tulisan.			
BIDANG INTERPERSONAL	Murid mempunyai keyakinan dan kebolehan mendapatkan khidmat dan bantuan jika perlu; Murid juga harus didedahkan dengan adat resam kaum lain; Nilai-nilai hidup harmonis perlu dipupuk dengan menghormati orang lain dan mempunyai sikap toleransi.			
BIDANG INTRAPERSONAL	Situasi-situasi tertentu (keadaan di balai polis, pejabat pos, kedai runcit dan sebagainya) dalam masyarakat perlu dibawa ke dalam bilik darjah; Latihan perbualan berbentuk drama yang berkait dengan kehidupan seharian perlu diperbanyakkan; murid boleh diberi tugas untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka ke dalam kehidupan seharian; Prinsip psikologi peneguhan sentiasa dititik berat untuk menggalakkan murid mencuba; Bahan bacaan berkaitan dengan sejarah perkembangan Bahasa Melayu harus diajar untuk memperluas pandangan serta pemahaman murid terhadap penggunaan Bahasa Malaysia.			
PENGETAHUAN BAHASA	Pengenalan ke atas morfologi dan sintaksis dilanjutkan. Dari segi penguasaan morfologi, kata tugas, kata hubung, kata pemer, kata ganda diberi penekanan pada peringkat ini. Murid juga perlu menguasai bidang sintaksis yang terdiri daripada ayat tunggal dan ayat majmuk, ayat aktif dan ayat pasif serta pembentukan ayat empat pola.			

## JUNIOR TIGA

KEMAHIRAN	MENDENGAR	BERTUTUR	MEMBACA	MENULIS
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Mendengar dan memahami sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain dengan kelancaran yang normal.</li> <li>2.Mendengar, memahami dan memperoleh maklumat dari siaran media massa terutamanya berita.</li> <li>3.Mendengar dan dapat menyelesaikan tugas mengikut arahan yang diberi.</li> <li>4.Mendengar dan memberi respon dalam proses pendengaran.</li> <li>5.Mendengar dan mencatat nota dari pelbagai sumber.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Bercerita dan bersyarahan dengan intonasi dan perasaan yang sesuai.</li> <li>2.Berinteraksi dengan orang lain untuk menyiapkan sesuatu tugas.</li> <li>3.Membincangkan fakta dan isi sebuah atau satu siri gambar yang telah dilihat.</li> <li>4.Menyoal untuk mendapatkan penjelasan, maklumat atau bantuan dengan mengemukakan soalan secara ringkas dan sopan.</li> <li>5.Berdialog mengikut situasi yang diberi.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Membaca dengan intonasi yang sesuai, tepat dan lancar.</li> <li>2.Memetik isi-isi penting yang tersurat dan tersirat yang termuat dalam bahan bacaan terutamanya bahan grafik.</li> <li>3.Memperluas perbendaharaan kata supaya meninggikan daya mengerti dan dapat menggunakannya mengikut konteks.</li> <li>4.Memahami maklumat yang terkandung dalam pelbagai bentuk bacaan.</li> <li>5.Menghayati bahan sastra Melayu dalam bentuk prosa dan puisi moden.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Mengenal pasti kesalahan dalam sesebuah karangan.</li> <li>2.Mengembangkan daya cipta menulis untuk menghasilkan penulisan yang logik, kritis dan kreatif dengan jumlah perkataan melebihi 180 patah.</li> <li>3.Menguasai penulisan surat rasmi dan tidak rasmi untuk tujuan tertentu.</li> <li>4.Menguasai penulisan karangan berformat.</li> <li>5.Merumuskan bahan grafik ke dalam bentuk tulisan secara tepat dan jelas.</li> </ol>
TEKNIK PEMBELAJARAN	Murid dapat menggunakan surat khabar, bahan rujukan, bahan internet dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah; Murid dapat mengintepretasikan maklumat yang terkandung dalam bahan grafik secara tersurat dan tersirat; Murid dapat memilih bentuk pengambilan nota yang paling sesuai bagi membantu pembelajaran sendiri; Murid tahu menilai cara pembelajaran sendiri dengan melihat keberkesannya; murid-murid dapat memindahkan idea-idea sendiri ke dalam bentuk tulisan.			
BIDANG INTERPERSONAL	Murid dapat menguasai perucapan dalam majlis rasmi; Murid perlu didedahkan dengan perayaan, pantang larang dan kepercayaan pelbagai kaum; Murid dapat menyediakan teks mengikut kumpulan pendengar; Semangat cinta akan tanah air perlu dipupuk pada peringkat ini; Murid boleh berinteraksi dengan masyarakat sekitar secara umum dengan yakin dan berbudi pererti.			
BIDANG INTRAPERSONAL	Murid perlu diajar cara mengisi borang dalam urusan rasmi; Situasi serta prosedur dalam urusan rasmi boleh dibawa ke dalam kelas untuk dijadikan satu aktiviti main peranan; Murid boleh diberi tugas untuk menyelesaikan sesuatu permohonan di pejabat kerajaan; Murid mempunyai keyakinan untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pihak kerajaan; Bacaan meluas ditumpukan pada isu peranan bahasa melayu di negara kita dan rantau Asia Tenggara.			
PENGETAHUAN BAHASA	Murid perlu menguasai pengetahuan bahasa yang menyeluruh pada peringkat ini. Murid harus mempunyai pengetahuan dan keyakinan untuk menghasilkan ayat yang gramatis, penggunaan bahasa serta pemilihan kata yang tepat. Kata ganda seluruh, kata ganda separa dan kata ganda berimbuhan, hukum DM, imbuhan masih dititikberatkan dalam pembelajaran bidang morfologi. Selain itu, pembelajaran pembentukan ayat seperti ayat songsang, nafi dan kesalahan umum dalam ayat diberi penekanan.			

